



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud, (2024). Akal budi dalam *Sempama Jaku Iban* berimejkan mamalia berdasarkan perspektif semantik inkuistif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, Julai, 2024. 97–120. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.5>

AKAL BUDI DALAM SEMPAMA JAKU IBAN (PERIBAHASA) BERIMEJKAN MAMALIA BERDASARKAN PERSPEKTIF SEMANTIK INKUISTIF

*(Wisdom of Mammalian Symbolism in Sempama Jaku Iban
(Proverbs): An Inquisitive Semantic Analysis)*

**¹Rynna Sha'erra Mindew Douglas, ²Mary Fatimah Subet,
³Muhammad Zaid Daud**

¹Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak

²Institute of Creative Arts and Technology (iCreaTe),
Universiti Malaysia Sarawak

³Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

¹*Corresponding author: rynna.shaerradouglas@gmail.com
²sufatimah@unimas.m, ³zaid.daud@utem.edu.my*

Received: 25/12/2023 Revised: 17/2/2024 Accepted: 24/5/2024 Published: 16/7/2024

ABSTRAK

Peribahasa telah digunakan oleh masyarakat Iban untuk menyampaikan nilai-nilai (positif dan negatif), ajaran (nasihat dan petunjuk), kearifan tempatan, dan pengalaman hidup. Masyarakat Iban juga menggunakan imej perlambangan di sekitar mereka untuk menonjolkan hubungan antara sikap manusia atau situasi kehidupan. Contohnya, imej perlambangan haiwan (mamalia). Maka, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peribahasa Iban yang menggunakan imej perlambangan

haiwan (mamalia) berpandukan pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Data kajian pula diperoleh daripada *Bup Sempama Iban* yang ditulis oleh Casper Kayong Umping (2011). Hasil kajian mendapati bahawa, penciptaan peribahasa yang melibatkan imej perlambangan (mamalia) dalam masyarakat Iban terbahagi kepada dua, iaitu: (1) hidupan lautan, seperti 'ikan iyu', serta (2) hidupan daratan, seperti 'mayau', 'tupai', 'ukui', 'jugam', 'kera', 'kijang', dan 'empeliau'. Rumusannya, keterlibatan imej perlambangan (mamalia) dalam peribahasa dapat mencerminkan pandangan masyarakat Iban terhadap alam dan haiwan sebagai sumber inspirasi. Masyarakat Iban juga memberikan penekanan pada nilai-nilai seperti kejujuran, ketelitian, disiplin, dan tindakan nyata dalam usaha mencapai tujuan hidup melalui penciptaan peribahasa berimejkan mamalia.

Kata kunci: *Masyarakat Iban, akal budi, peribahasa, mamalia, makna, semantik inkuisitif.*

ABSTRACT

Proverbs have been used by the Iban community to convey values (positive and negative), teachings (advice and guidance), local wisdom, and life experiences. The Iban community also uses symbolic images around them to highlight the relationship between human attitudes or life situations. For example, symbolic images of animals (mammals). Therefore, this study aims to analyze Iban proverbs that use symbolic images of animals (mammals) guided by an inquisitive semantic approach (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). The research data was obtained from Bup Sempama Iban written by Casper Kayong Umping (2011). The results of the study found that, the creation of proverbs involving symbolic images (mammals) in the Iban community is divided into two, namely: (1) ocean life, such as 'ikan iyu' and (2) land life, such as 'mayau', 'tupai', 'ukui', 'jugam', 'kera', 'kijang', and 'empeliau'. In summary, the involvement of symbolic images (mammals) in proverbs can reflect the Iban community's view of nature and animals as a source of inspiration.

Keywords: *Iban society, common sense, proverbs, mammals, meaning, inquisitive semantic.*

PENGENALAN

Sempama jaku Iban merupakan bahasa kiasan dalam masyarakat Iban yang juga dikenali sebagai peribahasa yang diwujudkan oleh

masyarakat Iban. Syed Abdullah Syed Sulaiman (2013) mengelaskan peribahasa merupakan sebuah tradisi lisan yang merupakan pesanan atau kesaksian yang diturunkan daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya. Pesanan atau amanat tersebut disampaikan dalam beberapa bentuk misalnya dalam bentuk pantun, cerita rakyat, nasihat, lagu rakyat dan juga dalam bentuk peribahasa. Justeru, *sempama jaku Iban* merupakan sebuah tradisi lisan yang diwarisi oleh masyarakat Iban secara turun-temurun. Konsep tradisi lisan sering dikaitkan dengan konsep-konsep seperti '*folk society*' dan '*folklore*' dalam bidang antropologi dan konsep-konsep tersebut merupakan sebahagian daripada pengetahuan mengenai budaya atau dikenali sebagai budaya tradisional sesebuah masyarakat yang diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain dan media penyampaian yang digunakan ialah media lisan (Seymour-Smith, 1986). *Sempama jaku Iban* merupakan tradisi lisan masyarakat Iban yang merupakan peninggalan nenek moyang masyarakat Iban.

Bertitik tolak daripada penciptaan peribahasa ini, maka tercermin juga kebijaksanaan masyarakat Iban dalam membandingkan sifat haiwan dengan realiti kehidupan dan budaya yang terdapat pada masyarakat. *Kamus Dewan* (2015) mendefinisikan akal budi sebagai fikiran yang sihat. Shamsudin Othman et al. (2015) pula melihat akal budi sebagai kebolehan ingatan atau pemikiran untuk berimajinasi misalnya imajinasi kehaiwanan, keinsanan, anggapan, memori dan juga mengingat semula. Definisi ini dapat dikaitkan dengan masyarakat Iban yang menggunakan daya imajinasi yang mempunyai kaitan dengan unsur alam misalnya mamalia dan reptilia untuk memberikan pesanan dan nasihat. Definisi akal budi dikukuhkan lagi oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dengan menyatakan bahawa akal budi mampu memperlihatkan akal, berfikiran secara logik dan waras dalam berbahasa serta mempunyai kebijaksanaan sewaktu mengujarkan makna dan ia bukan sahaja merujuk kepada seseorang yang memiliki akal secara lahiriah. Selain itu, menurut Rozita Che Rodi (2022), bukan hanya akal budi harus dikaji malahan hati budi yang mencakupi sifat luaran dan dalaman secara keseluruhan.

Setelah mencerminkan akal budi dalam peribahasa masyarakat Iban, pelbagai unsur alam digunakan bagi mencerminkan tingkah laku manusia seperti haiwan (mamalia). Menurut *Kamus Dewan* (2015), mamalia diertikan sebagai kumpulan binatang yang mempunyai suhu badan yang tetap dan biasanya menyusukan anak-anaknya. Menurut

Seymour-Smith (1986), mamalia dikelaskan dalam kumpulan haiwan vertebrata, iaitu bertulang belakang yang mampu menyusukan anaknya kerana mempunyai kelenjar susu. Sebahagian besar haiwan dalam kumpulan ini membiak dengan cara melahirkan meskipun terdapat sebahagian daripadanya bertelur. Jenis mamalia yang bertelur ini dikenali sebagai monotremata. Habitat bagi kumpulan haiwan ini adalah seperti daratan, lautan, sungai, gurun dan juga kutub. Seperti kumpulan haiwan yang lain, mamalia juga mempunyai ciri-ciri istimewa yang membezakan kelas tersebut dengan kelas haiwan yang lain. Antara ciri-ciri haiwan kumpulan mamalia adalah seperti mempunyai kelenjar susu, mempunyai permukaan badan yang ditutupi oleh bulu-bulu, mempunyai kulit yang tebal, bernafas menggunakan paru-paru, mempunyai otot diafragma, kerangka tubuh yang sempurna dan juga saiz otak yang besar.

Maka, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menenal pasti *sempama jaku Iban* yang menggunakan objek mamalia.
2. Menganalisis *sempama jaku Iban* yang menggunakan objek mamalia dengan pendekatan semantik inkuisitif.
3. Merumuskan akal budi masyarakat Iban di sebalik makna implisit yang menggunakan objek mamalia.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian mengenai peribahasa dan juga perlambangan telah diteliti oleh pengkaji terdahulu, misalnya kajian Rozaimah Rashidin dan Noriza Daud (2009) yang membuktikan perlambangan terbahagi kepada dua, iaitu perlambangan yang bersifat positif dan juga perlambangan yang bersifat negatif serta dikategorikan kepada haiwan, tumbuh-tumbuhan, alatan dan manusia atau gelaran. Dalam kajian tersebut, analisis mereka menunjukkan bahawa bagi konteks haiwan sebagai lambang, peribahasa-peribahasa tersebut banyak menggunakan haiwan seperti kucing, khinzir atau babi dan kumbang sebagai lambang yang bersifat positif dan bersifat negatif terhadap kaum lelaki dan juga wanita. Dalam perlambangan kedua-dua jantina ini, anjing digunakan dalam kedua-dua peribahasa yang mengaitkan kedua-dua kaum lelaki dan wanita. Anjing memaparkan unsur yang negatif dalam konteks masyarakat Melayu. Unsur seksisme tidak begitu ketara dalam hal ini dan ia dilihat seimbang dalam menggambarkan imej kedua-dua jantina tersebut.

Selain itu, terdapat juga kajian yang melihat kepada persamaan dalam pemilihan objek sebagai peribahasa dalam kehidupan dua masyarakat yang berbeza. Goh (2010) menyatakan dalam kajiannya bahawa kedudukan geografi yang berhampiran merupakan salah satu faktor kedua-dua pengguna bahasa Melayu dan bahasa Mandarin mempunyai suasana persekitaran yang sama. Terdapat pelbagai jenis haiwan liar dan juga binatang peliharaan yang digunakan dalam peribahasa mereka sama ada bahasa Melayu atau bahasa Mandarin sebagai lambang yang diberikan pelbagai tafsiran. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat 261 peribahasa dalam kedua-dua bahasa tersebut menggunakan lambang yang sama. Misalnya, penggunaan lambang haiwan seperti harimau, kera, gajah, ketam, anjing, tikus, kucing, serigala dan kambing. Setiap haiwan tersebut menggambarkan sifat yang berbeza. Harimau digambarkan sebagai lambang yang bahaya serta tidak mengenang budi, manakala kera pula digambarkan sebagai kebolehan atau kemahiran dan kepandaian. Gajah digambarkan sebagai satu kuasa besar, ketam digunakan untuk melambangkan seseorang yang tidak menunjukkan contoh yang baik, anjing pula digambarkan sebagai seseorang yang tidak mengenang budi. Tikus dilambangkan sebagai orang bawahan yang menjadi pihak yang dikuasai manakala kucing digambarkan sebagai ketua atau pihak yang menguasai serta pihak yang lebih dominan.

Kajian peribahasa mengenai unsur alam yang melibatkan haiwan turut dilakukan oleh Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi (2013) yang menjadikan peribahasa orang Semai sebagai data kajian mereka. Kajian ini dilakukan berlandaskan penyesuaian terhadap teori yang dikemukakan oleh Hymes (1972) iaitu kerangka teori etnografi komunikasi yang memberi fokus kepada empat perkara utama iaitu huraian situasi, pemakaian, struktur dan fungsi aktiviti sesuatu percakapan tersebut. Kajian mereka mendapati bahawa peribahasa yang terdapat dalam masyarakat Semai banyak menggunakan haiwan yang mempunyai kaitan dengan kehidupan suku kaum tersebut.

Seterusnya, bidang semantik inkuisitif diperkenalkan untuk memperkembangkan analisis akal budi Melayu dalam konteks bahasa, termasuk nahu, bunyi, perkataan, dan makna. Nor Hashimah (2014) mencatat bahawa semantik skrip dan semantik resonans tidak mencukupi untuk menguraikan makna sebenar yang diinginkan disebabkan oleh ketidaksempurnaan data dan pelbagai fenomena bahasa. Nor Hashimah (2014) memperkenalkan semantik inkuisitif

sebagai pendekatan baru yang mampu menguraikan dan mentafsir makna secara menyeluruh. Pendekatan semantik inkuisitif melibatkan gabungan data autentik, semantik, konteks, kognitif penutur, budaya, dan akhirnya menyatukannya dengan akal budi penuturnya. Julaina Nopiah et al. (2017) menegaskan bahawa semantik inkuisitif melibatkan data autentik, semantik, konteks, kognitif penutur, budaya, dan integrasi dengan akal budi penuturnya. Semantik inkuisitif menjadi cara untuk mendalami makna dan mencari kebenaran dalam ungkapan yang merupakan jawapan kepada makna tersirat. Semantik inkuisitif adalah kajian yang menjelajahi pemikiran masyarakat melalui penggunaan bahasa dalam konteks kehidupan harian mereka.

Maka, terdapat kajian-kajian lepas yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini. Antaranya, Balveen Kaur dan Mary Fatimah Subet (2019), Muhammad Zaid Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2018d; 2020), Muhammad Zaid dan Mary Fatimah Subet (2019a; 2019b; 2018c; 2019d), Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2018a; 2018b; 2019; 2020), Tangaprabu Murthy et al. (2019a; 2019b; 2019c); Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019), Rynna Sha'erra Mindew Douglas et al. (2023) serta Julaina Nopiah et al. (2023).

Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Zaid Daud (2018) memberi fokus kepada penggunaan unsur ayam (*Gallus Gallus Domesticus*) dan musang (*Paradoxurus Hermaphroditus*) dalam peribahasa Melayu. Kajian tersebut dilakukan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan telah membuktikan bahawa penggunaan leksikal ayam dan musang dalam peribahasa Melayu telah diasimilasikan dengan keadaan persekitaran atau persekitaran sekeliling dalam kehidupan seharian masyarakat tersebut. Jelmaan sikap haiwan tersebut yakni ayam dan musang dikiaskan dengan sikap manusia. Ia diuraikan secara harfiah melalui data kajian peribahasa yang dipilih. Tangaprabu dan Mary Fatimah Subet (2018a) menambahkan kajian dalam ilmu semantik yang mengkaji mengenai penggunaan unsur alam dalam peribahasa dengan mengkaji imej rumput dalam peribahasa Tamil. Kajian tersebut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang dilaksanakan mengikut kaedah kualitatif dengan memilih 25 peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan dalam peribahasa masyarakat tersebut.

Russel Dundang dan Mary Fatimah Subet (2018) telah melakukan kajian berkaitan dengan peribahasa Iban dan telah berjaya membuktikan

bahawa terselitnya falsafah di sebalik penciptaan sesuatu peribahasa dalam masyarakat Iban khususnya yang menggunakan unsur alam yang dapat dikaitkan dengan budaya masyarakat Iban. Data yang dipilih dalam kajian tersebut merupakan data korpus sedia ada berbentuk tulisan dan kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat. Kajian tersebut bersifat kualitatif dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dalam kajian tersebut, unsur alam yang dipilih dan dikelaskan daripada peribahasa-peribahasa tersebut dibahagikan kepada empat domain utama. Empat domain yang menjadi fokus dalam kajian tersebut ialah haiwan, tumbuhan, sumber atau tenaga dan juga alam semesta.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan (analisis dokumen) sepenuhnya. Data kajian ini diperoleh daripada *Sempama Jaku Iban* yang terdapat dalam buku *Sempama Jaku Iban* yang ditulis oleh Casper Kayong Umping (2010). Buku ini dipilih kerana ia menggunakan sistem ejaan bahasa Iban yang terkini, memberikan contoh penggunaan bagi setiap *sempama jaku Iban* sekaligus memudahkan pengkaji untuk memahami konteks tersebut. Dalam kajian ini, data yang diperoleh akan diterangkan atau dihuraikan menggunakan fakta atau logik serta maklumat yang bersesuaian bagi memberikan penjelasan lebih lanjut mengenai penggunaan konsep semantik inkuisitif dalam merungkai makna tersirat bahasa kiasan yakni peribahasa dalam masyarakat Iban.

Buku ini mengandungi 460 buah peribahasa yang ditulis dalam bahasa Iban. Kemudian, pengkaji membuat pencerakinan terhadap kategori peribahasa yang ditulis dalam buku tersebut. Setiap peribahasa dikategorikan mengikut domain yang berbeza seperti haiwan (fauna), tumbuh-tumbuhan (flora), anggota badan, geografi, cuaca dan sebagainya. Terdapat 101 buah peribahasa dalam buku ini mempunyai kaitan dengan unsur alam, iaitu haiwan yang dikategorikan dalam dua kumpulan yang berbeza yakni reptilia dan juga mamalia. 101 peribahasa tersebut kemudian dipecahkan serta diasingkan kepada dua kumpulan yang berbeza iaitu reptilia dan mamalia. Walau bagaimanapun, sebagai batasan kajian, pengkaji akan menganalisis data peribahasa Iban yang menggunakan imej perlambangan haiwan (mamalia).

Berikut pula merupakan tatacara analisis data bagi kajian ini:

Rajah 1


Tatacara Analisis Data



Kajian ini turut memberi penekanan kepada penganalisan makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (Jalaluddin, 2014) yang merangkumi tiga tahap analisis, iaitu:

Rajah 2

Kerangka Semantik Inkuisitif



ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati, dalam peribahasa masyarakat Iban yang menggunakan imej perlambangan haiwan (mamalia) dapat dibahagikan kepada dua, iaitu: (1) hidupan lautan, dan (2) hidupan daratan.

Jadual 1

Imej Perlambangan Haiwan (Mamalia) dalam Peribahasa Iban

Bil.	Peribahasa	Makna	Imej Haiwan	Kumpulan Haiwan
1.	<i>Kapal pechah ikan iyu kenyang</i> Terjemahan gramatis: Kapal pecah ikan iyu kenyang	Peristiwa di mana sesebuah keluarga mengalami perbalahan dan orang lain mengambil kesempatan untuk mendapat keuntungan	Ikan yu	Mamalia (Hidupan Lautan)
2.	<i>Baka mayau ngelamun tai</i> Terjemahan gramatis: Seperti kucing menimbus najis	Seseorang yang cuba untuk menyembunyikan kesalahannya	Kucing	Mamalia (Hidupan Daratan)
3	<i>Amat tupai pandai merejuk bisi maya iya labuh</i> Terjemahan gramatis: Memang tupai pandai melompat ada masa ia akan jatuh	Sepandai-pandai apapun seseorang menyembunyikan atau melakukan kejahatan, akhirnya ia akan mendapat balasan yang setimpal	Tupai	Mamalia (Hidupan Daratan)
3.	<i>Baka ukui nyalak bukit</i> Terjemahan gramatis: Seperti anjing menyalak bukit	Melakukan perbuatan yang hanya sia-sia	Anjing	Mamalia (Hidupan Daratan)
4.	<i>Bengal jugam</i> Terjemahan gramatis: Beruang yang pekak	Seseorang yang kurang baik pendengarannya	Beruang	Mamalia (Hidupan Daratan)
5.	<i>Manchal baka kera</i> Terjemahan gramatis: Nakal seperti kera	Budak-budak atau anak yang terlalu nakal dan tidak mendengar kata dan akan melawan apabila dinasihati	Kera	Mamalia (Hidupan Daratan)

(bersambung)

Bil.	Peribahasa	Makna	Imej Haiwan	Kumpulan Haiwan
6.	<i>Nganggap kijang dalam babas</i> Terjemahan gramatis: Menganggap kijang di dalam hutan	Seseorang yang hanya membayangkan dan menganggap serta menyatakan bahawa haiwan yang diburu ada di hutan akan tetapi tidak pernah berusaha untuk memburunya	Kijang	Mamalia (Hidupan Daratan)
7.	<i>Baka empeliau gaukka buah sibau dara</i> Terjemahan gramatis: Seperti ungka yang beria-ia melihat buah rambutan yang belum masak	Perbuatan mengurat yang keterlaluan untuk mendapatkan perhatian gadis	Ungka	Mamalia (Hidupan Daratan)

Jadual 1 menunjukkan data peribahasa masyarakat Iban yang menggunakan imej perlambangan haiwan (mamalia). Namun begitu, sebagai batasan kajian pengkaji akan menganalisis satu data peribahasa masyarakat Iban yang menggunakan imej perlambangan haiwan (mamalia) hidupan laut (ikan yu) dan satu data peribahasa masyarakat Iban yang menggunakan imej perlambangan haiwan (mamalia) hidupan darat (kijang). Pengkaji telah mewarnakan data yang akan dianalisis. Analisis data akan melibatkan tiga peringkat, iaitu: Analisis pertama (semantik skrip/SS), analisis kedua (semantik rasonans/SR) dan analisis ketiga (analisis semantik inkuisitif/SI).

Analisis imej perlambangan haiwan (mamalia) dalam peribahasa Iban bagi hidupan laut

Data: *Kapal pechah ikan iyu kenyang (Kapal pecah ikan iyu kenyang)*

Analisis Pertama (Semantik Skrip)

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) mendefinisikan kapal sebagai bahtera atau perahu yang mempunyai geladak kenderaan atau pesawat yang boleh bergerak di udara. Pechah diertikan sebagai terbelah

menjadi dua atau lebih; terbelah menjadi kecil-kecil; tidak bersatu lagi, bercerai-cerai, terpisah-pisah, bersurai dan bertempiaran lari (Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua (2016). Ikan iyu dikenali sebagai ikan jerung (Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua, 2016). Kenyang pula merupakan kata adjektif yang bermaksud tidak berasa lapar kerana sudah menjamah makanan atau makan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Analisis pada tahap ini belum dapat menjelaskan makna yang ingin disampaikan oleh penutur kerana ia hanya menyentuh maknanya pada permukaan sahaja.

Analisis Kedua (Semantik Rasonans)

Secara terjemahan literalnya, *sempama jaku Iban* ‘kapal pechah ikan iyu kenyang’ bermaksud kapal pecah ikan iyu kenyang. *Sempama jaku Iban* ini ditujukan kepada seseorang yang mengambil kesempatan atau keuntungan dari perbalahan dalam sesebuah keluarga orang lain. Ikan iyu dipercayai telah hidup sejak 395 tahun yang lalu dan ia masih lagi wujud pada hari ini. Hal ini dibuktikan dengan penemuan fosil-fosil gigi ikan iyu dan juga sisik plakoid di beberapa buah negara misalnya Australia, Amerika Syarikat, Jepun, Siberia dan beberapa lagi buah negara barat yang lain. Ikan iyu merupakan spesies yang dilihat sebagai berbahaya akan tetapi pada kenyataannya, ikan iyu jarang menyerang manusia kecuali jika ia berhadapan dengan ancaman. Ikan iyu makan makanan seperti plankton untuk hidup dan memiliki beberapa deret gigi yang dapat ditukar ganti. Ikan iyu tinggal perairan yang beriklim tropika dan lautan yang bersuhu panas.


Selain itu, ikan iyu dikenali sebagai ikan yang mengamalkan diet pemakanan yang bertapis. Dalam erti kata lain, ikan iyu memilih makanan dan hanya memakan makanan yang bersaiz kecil. Ketika ikan iyu membuka mulutnya, secara teknikalnya ia membawa masuk air masin yang pada umumnya terdapat banyak haiwan bersaiz kecil dan apabila air tersebut dilepaskan melalui insangnya, haiwan-haiwan tersebut akan terperangkap antara penapis insang dan hal ini memudahkan proses pemakanan ikan iyu yang memakan haiwan yang terperangkap pada penapis insangnya. Ikan iyu mempunyai ekor yang panjang dan berbentuk sabit dan ekor ikan iyu tersebut boleh melibas dengan agak kuat.

Ikan iyu dalam *sempama jaku Iban* ini dijadikan simbolik oleh masyarakat Iban sebagai seseorang yang mudah mendapatkan

kesenangan hasil dari kesusahan orang lain. Kapal yang pecah dianalogikan sebagai sebuah keluarga yang mengalami konflik dan pertelingkahan. Keadaan pecah belah tersebut pula direfleksikan sebagai perhubungan yang kurang baik dan berpecah-belah. Sifat iyu yang mudah mendapat makanan apabila ia menyedut masuk air masin dianalogikan sebagai keadaan di mana seseorang yang mengambil kesempatan untuk mempergunakan sesebuah keadaan untuk memperoleh kesenangan.

Rajah 3

Gambaran Proses Kognitif Sempama Jaku Iban ‘Kapal Pechah Ikan Iyu Kenyang’



Gambaran proses kognitif dalam penciptaan *sempama jaku Iban* 'kapal pevhah ikan iyu kenyang'. Rajah di atas jelas menunjukkan bahawa *sempama jaku Iban* ini dimotivasikan oleh sifat ikan iyu yang mudah dalam mendapatkan makanan hanya dengan menyedut air masin dan memakan haiwan-haiwan yang terperangkap pada penapis insangnya apabila ia melepaskan air tersebut.

Keadaan ini mengakibatkan masyarakat Iban membandingkannya sebagai sifat manusia yang mengambil kesempatan atas kesusahan orang lain. Kapal pula dianalogikan kepada sebuah keluarga yang

terdiri daripada dua atau lebih orang di dalamnya yang membawa pelbagai muatan termasuklah makanan, pakaian dan sebagainya. Apabila ia pecah, segala isi dalam kapal tersebut akan bercerai-cerai dan tidak akan kekal berada di sebuah tempat sahaja. Keadaan ini digambarkan oleh masyarakat Iban sebagai satu situasi di mana ikan iyu tersebut mula bertindak dan memulakan langkahnya untuk menelan makanan yang terkeluar daripada kapal tersebut.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut memperlihatkan serta menyerlahkan penggunaan *sempama jaku Iban* ‘kapal pechah ikan iyu kenyang’ yang berkonsepkan ‘sifat buruk seseorang yang mengambil kesempatan dalam kesempitan’. Berikut merupakan contoh bagi *sempama jaku Iban* ‘kapal pechah ikan iyu kenyang’:

Penggunaan *sempama jaku Iban* dalam ayat bahasa Iban:

Kitai sebilik enda patut belaya sama diri ketegal projek perintah. Enti kitai pechah rumah dia projek ila diberi perintah asuh rumah orang bukai, dia kitai nyau baka ***kapal pechah ikan iyu kenyang.***

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Kita sekeluarga tidak sepatutnya berkelahi sesama kita hanya kerana projek yang diberikan oleh kerajaan. Jika kita berpecah belah, projek tersebut akan diberikan kepada rumah lain dan kita akan diibaratkan seperti ***kapal pecah ikan iyu kenyang.***

Berdasarkan ayat di atas, frasa ‘kita sekeluarga tidak sepatutnya berkelahi’, ‘jika kita berpecah belah, projek tersebut akan diberikan kepada rumah lain’ menunjukkan keadaan di mana perbalahan, pertelingkahan dalam sesebuah keluarga hanya mendatangkan keburukan dan dua frasa tersebut dirujuksilangkan dengan *sempama jaku Iban* tersebut yang menjelaskan lagi konteks ayat tersebut. Frasa ‘kita akan diibaratkan seperti kapal pecah ikan iyu kenyang’ mengukuhkan lagi maklumat tambahan tersebut bahawa pertelingkahan yang berlaku akan mengakibatkan mereka rugi dan tidak mendatangkan sebarang faedah. Ayat di atas memperlihatkan lagi konteks dan makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Inilah makna yang diperoleh oleh pengkaji pada tahap SR. Meskipun begitu, analisis pada tahap ini belum dapat merungkai perkaitan antara pemilihan ikan iyu dan akal budi masyarakat Iban.

Analisis Ketiga (Semantik Inkuisitif)

Soalan mengapa dan kenapa ikan iyu dipilih serta dikaitkan dengan akal budi masyarakat Iban dalam *sempama jaku Iban* ini akan dijawab pada peringkat ini, iaitu analisis SI. Dalam sesebuah masyarakat, termasuklah masyarakat Iban, pertelingkahan dalam sesebuah keluarga itu merupakan sesuatu yang biasa terjadi dan akan ada satu pihak yang akan mengambil kesempatan atas pertelingkahan tersebut. Menurut informan, masyarakat Iban pada masa dahulu hidup bersama di rumah panjang. Dalam kehidupan bermasyarakat, setiap individu mempunyai sikap yang berbeza yang turut mewujudkan pendirian berbeza dan juga pendapat berlainan. Perbezaan seperti ini menjadi faktor berlakunya pertelingkahan antara banyak pihak. Sementara itu, menurut informan masyarakat Iban pada zaman dahulu turut berlayar bagi mendapatkan sumber makanan dari laut atau sungai. Oleh yang demikian, ikan iyu sama ada yang bersaiz kecil atau sederhana kadangkala akan terperangkap pada jaring mereka dan kadangkala mereka melakukan aktiviti menyelam dan hal ini menyebabkan mereka mampu melihat serta memerhatikan sifat yang ada pada ikan iyu tersebut.

Masyarakat Iban melihat ikan iyu sebagai imej yang negatif kerana sifat ia dalam memperoleh makanan. Masyarakat Iban menganalogikan kapal yang pecah sebagai sebuah keluarga atau perhubungan yang berada dalam keadaan tidak baik dan apabila sesebuah kapal pecah, semua barang yang terdapat dalam kapal tersebut akan berpecah belah dan tidak berada pada kedudukan asal. Hal ini akan memudahkan ikan iyu untuk memperoleh makanan kerana ia telah dipecahkan kepada saiz yang lebih kecil. Sifat pecah dianalogikan sebagai hubungan yang mengalami keretakan dan berada dalam fasa kurang baik. Sehubungan itu, seseorang yang mengambil kesempatan dalam kesempitan dilihat sebagai seseorang yang mempunyai sikap yang keji kerana ia merupakan sikap yang buruk yang tidak seharusnya dimiliki oleh setiap orang. Misalnya, apabila sesebuah keluarga mengalami perbalahan, orang yang mengambil kesempatan tersebut akan menjadi batu api yang meburukkan lagi keadaan.

Sikap buruk ini tidak seharusnya dimiliki kerana hidup kita umpama roda yang sentiasa bergerak dan kedudukan sentiasa berubah-ubah. Apabila keadaan tersebut berbalik kepada kita, baru kita akan menyedari bahawa tindakan tersebut bukanlah sesuatu yang patut dilakukan kerana ia menyakitkan hati pelbagai pihak.

Maka, jelaslah akal budi masyarakat Iban dalam mengetengahkan ajaran mengenai betapa buruknya sikap seseorang yang mengambil kesempatan dalam kesempitan.

Analisis imej perlambangan haiwan (mamalia) dalam peribahasa Iban bagi hidupan darat

Data: *Nganggap kijang dalam babas (Menganggap kijang di dalam hutan)*

Analisis Pertama (Semantik Skrip)

Nganggap dikelaskan kepada kata kerja dalam dalam bahasa Melayu, ia bermaksud menganggap dan kata akarnya ialah anggap. Nganggap merupakan kata anggap yang menerima imbuhan ng- dan Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011) mendefinisikan anggap sebagai perkara yang digambarkan, dibayangkan dan dijangka dalam fikiran dan hati. Kijang ialah sejenis binatang yang mempunyai tanduk seperti rusa akan tetapi saiznya lebih kecil dari rusa dan tanduknya tidak setinggi tanduk rusa (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011). Babas pula didefinisikan sebagai sebarang tumbuhan yang tumbuh dengan sendiri tanpa ditanam (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011).

Analisis Kedua (Semantik Rasonans)

Analisis pada tahap ini akan merungkai makna *sempama jaku Iban* 'nganggap kijang dalam babas' secara literal. Makna *sempama jaku Iban* 'nganggap kijang dalam babas' secara literal ialah menganggap kijang di dalam hutan. *Sempama jaku Iban* ini bermaksud seseorang yang hanya membayangkan dan menganggap serta menyatakan bahawa haiwan yang diburu ada di hutan akan tetapi tidak pernah berusaha untuk memburunya. Ia ditujukan kepada seseorang yang hanya bermimpi untuk mendapatkan sesuatu akan tetapi tidak mempunyai usaha untuk mendapatkannya. Dalam erti kata lain, *sempama jaku Iban* ini merujuk kepada satu tindakan yang membuang masa dan tidak akan mendatangkan hasil kerana hanya mengharapkan sesuatu akan tetapi tidak meletakkan usaha untuk mendapatkannya.

Menurut fakta yang dikemukakan oleh Mohd Momin (2012), pada umumnya terdapat kawasan berumput dan belukar yang berhampiran dengan kawasan pertanian di dalam hutan yang tebal. Oleh yang


demikian, haiwan seperti rusa dan kijang memainkan peranan yang penting dalam mengawal ekosistem semula jadi khususnya tumbuh-tumbuhan. Tambahnya, kijang kini merupakan haiwan yang hampir terancam dan ia terdapat di Semenanjung Malaysia, Sri Lanka, selatan India dan ke utaranya hingga ke Nepal, ke timurnya hingga selatan China, Indo-China, Indonesia dan juga Pulau Borneo. Kijang mempunyai badan yang berwarna kuning dan hanya kijang jantan yang mempunyai tanduk pendek dengan satu cabang sahaja. Kijang biasanya tinggal di kawasan yang berbukit dan selalunya ditemui bersendirian atau kadangkala berpasangan (Mohd Momin, 2012). Kijang mencari makanan pada waktu siang dan ia akan berteriak seakan bunyi salakan anjing apabila ia ketakutan. Makanan bagi haiwan ini ialah daun dan buah-buahan dan spesies karnivor seperti harimau dan serigala merupakan musuh utama bagi kijang. Kijang hanya melahirkan seekor atau kadangkala dua ekor anak pada setiap kelahiran dan anak yang baru lahir mempunyai titik putih pada bulu badan, yang akan berubah bila berumur 6 bulan.

Oleh kerana kijang melahirkan anak maksimum dua ekor pada setiap kelahiran, populasi haiwan ini tidak besar dan sukar untuk dijumpai. Populasi kijang yang kecil dan oleh kerana ia sukar dan jarang dijumpai menyebabkan masyarakat Iban menganalogikannya sebagai sebuah pencapaian yang tidak mudah untuk dicapai sekiranya tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh. Dalam *sempama jaku Iban* 'nganggap kijang dalam babas' ini, masyarakat Iban melihat unsur kijang sebagai imej yang neutral atau bergantung kepada setiap orang untuk melihat dari sudut pandang yang berbeza. Contohnya, ia boleh dilihat sebagai sesuatu pencapaian yang mustahil untuk diperolehi (negatif) atau boleh dijadikan motivasi untuk terus berusaha mendapatkannya (positif).

Gambaran proses kognitif dalam penciptaan *sempama jaku Iban* 'nganggap kijang dalam babas'. Rajah 4 jelas menunjukkan bahawa *sempama jaku Iban* tersebut dimotivasikan oleh kesukaran untuk mendapatkan kijang yang berada di dalam hutan tanpa berusaha untuk memburunya. Kijang dianalogikan sebagai kejayaan, impian, keinginan, kehendak atau sesuatu yang ingin diperolehi dan hutan rimba tersebut dianalogikan sebagai halangan atau cabaran yang perlu ditempuhi untuk mencapai keinginan tersebut. Keadaan ini disamakan dengan seseorang yang harus menempuhi kesusahan, cabaran dan halangan sekiranya ingin mendapatkan sesuatu pencapaian dan bukan hanya berangan-angan tanpa melakukan sebarang tindakan.

Rajah 4

Gambaran Proses Kognitif Sempama Jaku Iban ‘Nganggap Kijang Dalam Babas’



Pembuktian linguistik yang ditemui turut memperlihatkan serta menyerlahkan penggunaan *sempama jaku Iban* ‘nganggap kijang dalam babas’ yang berkonsepkan ‘kejayaan atau pencapaian tidak akan datang dengan sendiri tanpa usaha yang berterusan’. Berikut merupakan contoh data korpus bagi *sempama jaku Iban* ‘nganggap kijang dalam babas’:

Penggunaan sempama jaku Iban dalam ayat:

Penggunaan sempama jaku Iban dalam ayat:

Puas ninga akik ke madahka jelu selalu bisi ba pulau nya tang iya nadai kala dipeda bebai senapang nimbak jelu nya dia. Tak angan-angan ngapa ***nganggap kijang dalam babas.***

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Dia selalu berkata bahawa terdapat banyak binatang yang boleh diburu di pulau tersebut akan tetapi dia tidak pernah membawa senapang untuk pergi memburunya. Dia hanya berangan-angan sahaja ***menganggap kijang di dalam hutan.***

Berdasarkan ayat di atas, ayat ‘dia selalu berkata bahawa terdapat banyak binatang yang boleh diburu di pulau tersebut’ dan ‘akan tetapi tidak pernah membawa senapang untuk memburunya’ memberi gambaran bahawa seseorang yang diperkatakan oleh penutur tersebut hanya mengeluarkan hujah dengan menyatakan bahawa terdapat banyak haiwan di dalam hutan akan tetapi tidak pernah menunjukkan sebarang usaha untuk memburu haiwan tersebut. Kedua-dua ayat tersebut dikukuhkan lagi dengan frasa ‘dia hanya berangan-angan sahaja’ dan frasa ini dirujusilangkan dengan *sempama jaku Iban* ‘nganggap kijang dalam babas’ yang memberi gambaran jelas bahawa orang tersebut hanya mengimpikan untuk mendapat haiwan tersebut tanpa melakukan sebarang tindakan. Sifat orang yang hanya berangan-angan tersebut jelas mengukuhkan serta memperlihatkan lagi konteks dan makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Inilah makna yang diperoleh pada peringkat SR. Meskipun begitu, mengapa kijang diibaratkan sebuah pencapaian dan hutan digambarkan sebagai cabaran yang harus ditempuhi untuk memperolehnya? Persoalan ini belum dapat dijawab dalam analisis tahap ini dan ia akan dirungkai dalam analisis tahap ketiga iaitu analisis SI.

Analisis Ketiga (Semantik Inkuisitif)

Persoalan kenapa dan mengapa kijang digunakan dalam *sempama jaku Iban* serta dikaitkan dengan akal budi masyarakat Iban akan dijawab pada peringkat ini, iaitu peringkat SI. Populasi kijang yang kecil dan kesukaran pemburu untuk memburunya kerana ia hanya keluar mencari makanan pada waktu siang telah menyebabkan masyarakat Iban merefleksikannya sebagai sebuah pencapaian, kejayaan yang tidak semua orang mampu untuk mendapatkannya. Menurut informan, meskipun seorang pemburu tersebut sering keluar memburu atau merupakan pemburu yang handal, peluang untuk pemburu tersebut berjaya menembak seekor kijang amat tipis kerana populasinya yang sedikit. Hal ini dibandingkan dengan sifat seseorang yang hanya mampu berangan-angan untuk mendapatkan kejayaan atau sebuah pencapaian yang membanggakan akan tetapi mengharapkan bahawa ia mampu datang dengan sendiri tanpa usaha. Bahkan tidak semua orang yang berusaha untuk mendapatkan sesuatu mampu memilikinya pada akhirnya, apatah lagi seseorang yang langsung tidak berusaha untuk mendapatkannya.

Dalam masyarakat Iban pada masa dahulu, kijang diburu kerana ia boleh dijadikan sumber makanan dan sesiapa yang berjaya

memburunya dianggap seorang yang beruntung kerana ia sukar diburu. Hutan tebal pula dianalogikan oleh masyarakat Iban sebagai cabaran dan dugaan yang harus ditempuh untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Tambah informan, pemburu mesti cekap dan handal dalam mengawal gerak langkah apabila keluar memburu bagi memastikan haiwan yang diburu tidak lari. Pemburu biasanya keluar pada waktu senja sehingga ke malam dan terpaksa meredah hutan untuk sampai ke destinasi memburu. Dalam perjalanan meredah hutan, pelbagai halangan yang perlu ditempuhi misalnya pokok-pokok atau tumbuh-tumbuhan yang berduri, haiwan-haiwan yang berbahaya dan sebagainya. Pada masa dahulu, masyarakat Iban sangat bergantung dengan binatang buruan sebagai sumber makanan selain daripada sayur-sayuran yang ditanam dan sumber protein yang lain. Selain itu, ia amat penting untuk dijadikan makanan atau bekalan simpanan sekiranya tiba musim hujan dan sebagainya. Musim hujan akan mengakibatkan para pemburu sukar untuk pergi memburu kerana keadaan jalan yang licin dan tidak selamat dan lebih tinggi risiko untuk terdedah kepada bahaya.

Dalam masyarakat Iban, sifat rajin dalam mendapatkan sesuatu dilihat sebagai salah satu kunci utama untuk mencapai kejayaan. Seseorang yang hanya berangan-angan tidak akan pernah merasakan kesenangan dan hanya mampu melihat kejayaan yang diperoleh oleh orang lain. Sifat takut akan cabaran dilihat sebagai satu penghalang dalam masyarakat Iban kerana ia tidak seharusnya dimiliki oleh orang Iban terutamanya anak lelaki. Sifat kuat dan berani dalam masyarakat Iban dilihat sebagai sifat yang harus dipertahankan dalam mengejar cita-cita dan kejayaan. Ajaran yang memberi fokus kepada sifat rajin dan juga usaha turut ditekankan dalam ajaran Kristian dan ia menjadi pegangan masyarakat Iban yang menganuti agama Kristian. Berikut merupakan baris *Injil* dalam Alkitab yang memberi fokus kepada perkara tersebut yakni sifat rajin berusaha dalam mencapai kejayaan;

“6 Hai pemalas, pergilah kepada semut, perhatikanlah lakunya dan jadilah bijak: 7 biarpun tidak ada pemimpinnya, pengaturnya tau penguasanya, 8 ia menyediakan rotinya di musim panas dan mengumpulkan makanannya pada waktu panen.”

(Amsal 6: 6-8)

Dalam baris *Injil* tersebut, sifat seorang pemalas tersebut telah dibandingkan dengan sifat semut yang berbadan kecil, tidak mempunyai

pemimpin atau ketua akan tetapi lebih bijak dalam mencari rezeki dan makanan untuk meneruskan kehidupan. Sifat malas tersebut dilihat sebagai sifat yang kurang bijak kerana selain membuang masa, ia juga tidak mendatangkan sebarang faedah. Kedua-dua musim yang dinyatakan dalam baris *Injil* tersebut merujuk kepada masa yang tidak terhad atau dalam erti kata lain merujuk kepada semut yang bekerja tanpa mengira masa bagi menampung kehidupannya.

Oleh itu, *sempama jaku Iban* ‘nganggap kijang dalam babas’ begitu ditekankan dalam memberi ajaran kepada masyarakat agar sentiasa berusaha untuk memperoleh kejayaan dan pencapaian yang membanggakan. Jelaslah *sempama jaku Iban* ‘nganggap kijang dalam babas’ mengungkap akal budi dan fahaman masyarakat Iban yang beragama Kristian ini.

KESIMPULAN

Sempama jaku Iban merupakan sebahagian daripada warisan lisan masyarakat Iban yang diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya. Konsep tradisi lisan ini berkaitan dengan ‘folk society’ dan ‘folklore’ dalam bidang antropologi, serta merupakan pengetahuan budaya tradisional yang disampaikan melalui medium lisan. Akal budi dapat diasaskan pada fikiran yang sihat, keupayaan ingatan, pemikiran berimajinasi, dan kemampuan berfikir secara logik. Dalam konteks *sempama jaku Iban*, akal budi juga berkait rapat dengan penggunaan daya imajinasi yang melibatkan unsur alam seperti mamalia. Pendekatan semantik inkuisitif digunakan sebagai cara untuk mendalami makna peribahasa dan mencari kebenaran dalam ungkapan yang mencerminkan pemikiran masyarakat. Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam pemahaman budaya, linguistik, dan falsafah atau nilai masyarakat Iban melalui penggunaan peribahasa dan lambang haiwan dalam bahasa. Melalui peribahasa-peribahasa ini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Iban memberikan penekanan pada nilai-nilai seperti kejujuran, ketelitian, disiplin, dan tindakan nyata dalam usaha mencapai tujuan hidup. Selain itu, peribahasa-peribahasa ini juga menggambarkan pandangan masyarakat terhadap hubungan keluarga, balasan terhadap perbuatan, dan cara mereka memahami realiti kehidupan sehari-hari.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kesemua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Balveen Kaur, & Mary Fatimah Subet. (2019). Ironi dalam bahasa kiasan Punjabi: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 2(1), 1-7.
- Casper Kayong Umping. (2010). *Sempana jaku Iban*. Sarawak Iban Writers Association.
- Goh, S. S. (2010). *Persamaan lambang dalam terjemahan peribahasa bahasa Melayu-bahasa Mandarin*. Penerbit UM.
- Hymes, D. (1972). Introduction to language in society. *Language in Society*, 1(1), 1-14.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli, & Maizura Osman. (2023). Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’: Analisis semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 241–266. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.11>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Fatimah Subet, & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Mohd. Momin Khan. (2012). *Khazanah mamalia Semenanjung Malaysia: Panduan bergambar*. Tinta Publishers.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019b). Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019c, October). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.

- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1), 110-130.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 179–213.
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* (FYP thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Muhammad Zaid Daud. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Muhammad Zaid Daud. (2018d). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 4(1), 1-21.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit UKM.
- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud. (2009). Unsur perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis Teori Relevans. *Jurnal Aswara*, 1(1), 24-36.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 157–180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>
- Russel Dundang Jeffrey, & Mary Fatimah Subet. (2018). Elements of nature in Iban proverbs (Jaku'Sempama): An inquisitive semantics analysis. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1). 10-15.
- Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2023). Jelmaan reptilia dalam akal budi masyarakat

- iban: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 6(2), 1-19.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Seymour-Smith, C. (1986). *The practice of cannibalism or anthropophagy*. Macmillan Publishers.
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, & Ghazali Lateh (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-10.
- Singki Lintan, J., Abdullah, S., & Lenya Chaong, S. (2015). *Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Abdullah Syed Sulaiman (2013). Tradisi Lisan: Satu penilaian semula. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 1(1), 195-205.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018a). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37-56.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018b). Imej tebu dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 24-29.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2019). Imej katak dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 4(1), 31-41.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134-146.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019b). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 7(2), 70-88.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019c). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 34-42.